

LEMBARAN PENZAHIRAN PRODUK

Sila baca dan fahami Lembaran Penzahiran Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Pembiayaan Ar Rahn 3.0.

Pastikan anda juga membaca terma dan syarat bagi produk ini.



PEMBIAYAAN AR RAHNU 3.0

Tarikh: _____
(Untuk diisi oleh Staf Jualan/Cawangan)

1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

- Pembiayaan Ar-Rahn 3.0 adalah produk pembiayaan yang membenarkan barang kemas dijadikan sebagai cagaran. Jumlah pembiayaan yang diberikan kepada Pelanggan adalah bergantung kepada peratusan yang ditentukan oleh Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (CBP) dan jenis barang kemas yang dicagarkan.
- Mutu barang kemas emas yang diterima adalah 999, 950, 916, 875, 835 dan 750.
- Pembiayaan ini adalah patuh Syariah yang ditawarkan kepada individu bagi memenuhi keperluan wang tunai dengan segera.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

- Prinsip Syariah yang terpakai ialah kontrak Murabahah di bawah pengaturan konsep Tawarruq.
- Berlandaskan prinsip Syariah Murabahah (di bawah pengaturan konsep Tawarruq atau dikenali sebagai komoditi Murabahah) yang mana berdasarkan wa'd daripada pihak pelanggan, CBP akan membeli komoditi daripada pihak pembekal komoditi dan seterusnya menjual komoditi kepada pelanggan berlandaskan kontrak Murabahah pada harga jualan (kos komoditi berserta keuntungan) secara tangguh dan kemudian, sebagai agen pelanggan, CBP menjual komoditi tersebut kepada pembeli pihak ketiga pada harga yang bersamaan margin pembiayaan secara tunai. Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga ini akan dimasukkan ke dalam akaun pengeluaran pembiayaan pelanggan.
- Rahn merujuk kepada sebuah kontrak, yang mana satu pihak sebagai penggadai (rahn) mengikat gadai janji sebuah aset sebagai gadaian/cagaran (marhun) kepada penerima gadaian (murtahin), untuk memenuhi liabiliti pelanggan sekiranya penggadai tidak mampu melunaskan keberhutangan.

3. Apakah yang saya dapat dari produk ini?

• Jumlah Harga Jualan	: RM.....
• Jumlah Pembiayaan	: RM _____
• Kadar Keuntungan	: 12 _____ % setahun
• Tempoh Pembiayaan	: 18 bulan

4. Apakah tanggungjawab kewangan saya dengan melanggan produk ini?

- Kadar Keuntungan hendaklah dibayar sebelum/pada bulan ke-12 atau pada bulan ke-18 (sekiranya pembiayaan sehingga 18 bulan).
- Jumlah Pembiayaan dan Kadar Keuntungan bagi bulan ke-18 hendaklah dibayar penuh pada/sebelum Tarikh Tamat sama ada membuat tebusan atau penukaran surat baharu.
- Jumlah Keuntungan 12 bulan perlu dibayar bagi lanjutan tempoh 6 bulan lagi.

*Nota:

Sekiranya pelanggan membuat bayaran lebih pada kadar keuntungan, jumlah lebih tersebut akan ditolak ke atas baki jumlah prinsipal.

5. Berapakah jumlah keuntungan pembiayaan yang perlu dibayar oleh saya?

- Jumlah Keuntungan Pembiayaan: RM_____
- Pengiraan jumlah Keuntungan Pembiayaan adalah seperti berikut:
Jumlah Pembiayaan) x [Bilangan Hari Gadaian/365 (bukan tahun lompat) atau 366 (tahun lompat)]

6. Apakah fi dan caj - caj yang perlu saya bayar?

Tiada fi dan caj yang perlu dibayar.

7. Bagaimana cara sambungan tempoh gadaian boleh dilakukan?

- Tamat Tempoh pada bulan ke-12
Sekiranya Pelanggan ingin menyambung gadaian bagi tempoh dua belas (12) bulan , pelanggan perlu membayar caj keuntungan dua belas (12) bulan dan akan dilanjutkan 6 bulan lagi (12+6)
- Tamat Tempoh pada bulan ke-18
Jika Pelanggan ingin menyambung gadaian melebihi tempoh lapan belas (18) bulan, Surat Gadaian baharu dan akad baharu MESTILAH dilakukan dengan urusniaga dagangan komoditi yang baru. Pelanggan mestilah menyelesaikan semua caj keuntungan bagi akad Ar-Rahnu yang terdahulu sebelum layak untuk memperbaharui Surat Gadaian.

8. Bagaimana jika saya gagal membuat bayaran pada masa yang ditetapkan?

- Sekiranya Pelanggan gagal menjelaskan pembiayaan di dalam tempoh pembiayaan yang telah ditetapkan, CBP telah diberikan kuasa di bawah kontrak Wakalah untuk menjual/ melelong Barang Gadaian berkenaan mengikut prosedur penjualan/ pelelongan sebagaimana persetujuan yang telah diberikan oleh Pelanggan semasa membuat permohonan pembiayaan.
- Jumlah penyelesaian keberhutangan akibat pelelongan adalah jumlah yang dikira berdasarkan kepada apa- apa jumlah yang terhutang oleh Pelanggan kepada CBP termasuk semua caj dan kos insidental seperti formula berikut:

Jumlah terhutang yang dituntut = (Baki Harga Jualan Murabahah Tertunggak)* +(Kos Insidental Sebenar Lelongan)

**Jumlah terhutang yang dituntut keseluruhan tidak melebihi harga jualan.*

9. Bagaimana jika saya membayar sepenuhnya sebelum tarikh matangnya?

- Pihak CBP akan memberikan rebat wajib kepada pelanggan berdasarkan prinsip Syariah *Ibra'* bagi:
 - i. Sebarang penebusan awal / penyelesaian awal;
 - ii. Perbezaan di antara Harga Jualan dan bayaran ansuran sebenar yang telah diselesaikan apabila berakhirnya sesuatu Tarikh Matang.
 - iii. Penyelesaian kontrak pembiayaan asal disebabkan oleh penyusunan semula pembiayaan.
 - iv. Penyelesaian oleh pelanggan dalam kes kegagalan pembayaran
 - v. Penyelesaian oleh pelanggan dalam kes penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.
- Formula pengiraan *Ibra' wajib* secara am adalah seperti berikut:
$$Ibra'^* = \text{Keuntungan tertangguh} - \text{Caj penyelesaian awal (anggaran kos yang munasabah) (sekiranya ada)}$$

**Nota: Ibra' ialah jumlah keuntungan tertangguh belum terakru*

- Formula pengiraan penyelesaian awal selepas Ibra' secara am adalah seperti berikut:
Amaun penyelesaian awal = Baki Harga Jualan + Ansuran bayaran tertunggak + Ta'widh + Gharamah (jika ada) – Ibra'.

10. Perlukah saya mengambil perlindungan takaful?

- Perlindungan bagi Barang Gadaian
 - i. Barang Gadaian yang berada di dalam simpanan CBP (dalam Tempoh Pembiayaan) adalah dilindungi takaful melalui Pengendali Takaful yang dilantik oleh CBP.
 - ii. Had perlindungan takaful adalah tertakluk kepada Nilai Barang Gadaian yang dinyatakan di dalam Surat Gadaian.
- Perlindungan Takaful Kredit
 - i. Pelanggan digalakkan mengambil Pelan Perlindungan Takaful Kredit daripada Pengendali Takaful yang dilantik oleh CBP atau Pengendali Takaful pilihan sendiri bagi menjamin jumlah keterhutangan sekiranya berlaku kematian atau kehilangan upaya kekal ke atas Pelanggan.
 - ii. Pembayaran bagi Perlindungan Takaful Kredit adalah di bawah tanggungjawab Pelanggan.

11. Apakah risiko yang perlu saya tanggung

Jika Pelanggan mempunyai masalah memenuhi kewajipan pembiayaan, barang gadaian adalah tertakluk kepada lelongan. Sila hubungi pihak CBP dengan segera untuk membincangkan pembayaran alternatif.

12. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Tiada penjamin diperlukan.

13. Apakah perbezaan di antara produk Pembiayaan Ar Rahn 3.0 dengan produk Ar Rahn yang terdahulu (menggunakan Upah Simpan)?

- Konsep Syariah yang digunapakai untuk produk Ar-Rahn terdahulu ialah Qard, Rahn, Wadi'ah Yad Dhamanah dan Ujrah. Manakala produk Pembiayaan Ar-Rahn 3.0 ini mengunapakai konsep Syariah Murabahah (Tawarruq) dan Rahn.
- Produk Ar-Rahn yang terdahulu mengenakan Caj Upah Simpan bagi Nilai Barang Gadaian yang akan turut berubah mengikut kenaikan dan penurunan harga emas semasa. Pembiayaan Ar-Rahn 3.0 sebaliknya mengenakan Kadar Keuntungan yang tidak terikat dengan harga emas semasa.

14. Apakah yang perlu lakukan jika berlaku sebarang perubahan pada maklumat peribadi saya?

- Anda perlu menghubungi CBP dengan kadar segera jika terdapat perubahan terhadap maklumat peribadi anda bagi memastikan sebarang komunikasi dan surat-menyurat dapat dihantar tepat pada masanya.
- Sila hubungi Pusat Panggilan di talian **1-300-88-7650** atau kunjungi mana-mana cawangan CBP untuk mengemaskinikan maklumat peribadi dari semasa ke semasa.

15. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai produk ini?

Sekiranya Pelanggan memerlukan maklumat lanjut sila rujuk risalah produk atau layari www.cbp.com.my.

16. Sebarang cadangan, pertanyaan atau aduan boleh disalurkan ke:

- Untuk sebarang cadangan, pertanyaan atau aduan sila hubungi kami di:

Pusat Panggilan CBP : 1-300-88-7650
Whatsapp : 019-7567650
Hari Operasi : Isnin hingga Jumaat
Waktu Operasi : 8:30 pagi hingga 5.30 petang
Alamat : **Corporate Communication Department**
Tingkat 8, Menara MBF
22, Jln Sultan Ismail, 50450 Kuala Lumpur,

E-mel : info@cbp.com.my
ar-rahnu@cbp.com.my

- Sekiranya CBP tidak dapat menyelesaikan aduan tersebut, Pelanggan boleh merujuk selanjutnya kepada:

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan
Tingkat 6, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
Tel: 03-2083 4300; Faks: 03-2083 4100
Sistem Aplikasi Online Aduan Koperasi = <https://aduan.skm.gov.my>

17. Lain-lain produk pembiayaan Ar Rahnu yang ditawarkan?

Pembiayaan Ar Rahnu Flexi.

NOTA PENTING!

- TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIKENAKAN JIKA PELANGGAN TIDAK MELUNASKAN PEMBIAYAAN.**
- LEMBARAN PENZAHIRAN PRODUK TELAH DIBACA, DIFAHAMI & DIPERSETUJUI OLEH PELANGGAN DAN MESTILAH DITANDATANGANI OLEH PELANGGAN.**

Penafian: Terma dan syarat di dalam Lembaran Penzahiran Produk ini adalah tentatif / petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak CBP. Terma dan syarat yang terakhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Kemudahan selepas penilaian kredit dan kelulusan. Penyampaian Lembaran Penzahiran Produk ini kepada anda tidak mewujudkan sebarang kewajipan oleh CBP untuk memberi anda apa-apa kemudahan.

18. PENGESAHAN PELANGGAN

Saya dengan ini memperakukan telah menerima, membaca dan memahami penjelasan yang diberikan melalui Lembaran Penzahiran Produk ini serta **Terma & Syarat Produk** yang terkandung di laman www.cbp.com.my.

.....
Nama Pelanggan:
No. Kad Pengenalan:
Tarikh: